

---

MODUL PENGENDALIAN  
AKTIVITI GALAKAN MEMBACA

***PERTANDINGAN BERCEKITA***

---

*Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Awam  
Pustaka Negeri Sarawak*

## BAGAIMANA MENGGUNAKAN MODUL

Modul ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu

- i. Penerangan Modul
- ii. Lampiran

Di dalam Penerangan Modul dijelaskan pengenalan, objektif serta kaedah pengendalian aktiviti atau program galakan membaca. Bahagian ini perlu dibaca dengan teliti dan sepenuhnya sebelum memulakan aktiviti.

Bahagian Lampiran mengandungi beberapa sampel atau contoh dokumen yang perlu serta berkaitan dengan aktiviti yang dibincang. Mengikut keadaan tempat dan kehendak pihak penganjur, dokumen-dokumen ini boleh digunakan terus atau dijadikan asas untuk membuat dokumen lain.

---

## *PENERANGAN MODUL*

---

## PENGENALAN

Pertandingan Bercerita merupakan aktiviti di mana beberapa individu beradu kemahiran dan bakat untuk menyampaikan sebuah cerita yang telah dibaca dari sebuah bahan cerita, samada buku ataupun majalah atau bahan bukan cetak. Penilaian akan dibuat oleh panel hakim berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan.

Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan pemenang. Biasanya setiap peserta diberikan 15 – 20 minit menceritakan bahan cerita yang telah dipilihnya.

## OBJEKTIF

Objektif utama Program Bacaan Kegemaran Saya adalah

1. Untuk mempopularkan pembacaan di kalangan masyarakat
2. Menggalakkan penyertaan orang ramai di dalam program membaca
3. Mengadakan saluran perkongsian ilmu melalui pembacaan



## KUMPULAN SASARAN

Pertandingan ini sesuai untuk semua golongan, walaupun kebiasaannya ia diadakan untuk golongan pelajar. Bergantung kepada keadaan tempat, kumpulan sasaran terdiri daripada golongan-golongan berikut

- i. Pelajar tadika, sekolah rendah dan menengah
- ii. Surirumah
- iii. Penduduk kampung
- iv. Kakitangan kerajaan
- v. Pekerja swasta
- vi. Kumpulan minoriti

## TATACARA PENGENDALIAN

1. Tetapkan tarikh yang sesuai sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pertandingan. Pada masa yang sama tetapkan juga kategori pertandingan, contohnya, kategori tadika, kategori sekolah rendah, kategori sekolah menengah, kategori terbuka.



2. Tentukan panel hakim yang berkelayakan serta sesuai dengan kategori pertandingan. Adakan perbincangan dengan bakal-bakal hakim untuk mendapat persetujuan mereka. Sekurang-kurangnya dua orang hakim dan seorang ketua hakim diperlukan.





3. Tentukan syarat-syarat pertandingan dan sediakan borang penghakiman, risalah serta borang penyertaan.
4. Buat promosi program melalui surat jemputan kepada kumpulan-kumpulan sasaran, poster, risalah, orang-perseorangan, ketua-ketua komuniti atau ketua-ketua masyarakat. Pada masa yang sama, edarkan borang penyertaan.



5. Terima dan proses borang penyertaan untuk menentukan nombor giliran peserta. Maklumkan peserta mengenai penyertaan.
6. Buat persiapan fizikal program seperti
  - i. tempat duduk panel hakim dan penonton;
  - ii. system siar raya;
  - iii. pentas dan hiasan dalaman; dan
  - iv. *backdrop*

Semasa pertandingan, peserta akan ke hadapan panel hakim dan penonton mengikut giliran masing-masing untuk bercerita. Rajahnya di bawah menunjukkan susunan tempat duduk tipikal untuk pertandingan bercerita.



7. Pada hari pertandingan, rekodkan kehadiran peserta dan penonton. Pastikan penonton dan peserta sudah bersedia sepenuhnya sebelum memulakan pertandingan. Aturcara pertandingan biasanya dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai pertandingan oleh seorang penyelar. Walau bagaimanapun, di tempat-tempat kecil seperti perpustakaan desa, penyelar boleh terus menjemput peserta untuk membuat persembahan.


Setiap peserta dikehendaki membuat persembahan selama 15 hingga 20 minit. Dalam tempoh masa berkenaan, ketiga-tiga hakim akan mengadili peserta dan merekodkan markah di dalam **Borang Penghakiman 1** dan **2**.



8. Bila semua peserta telah selesai membuat persembahan, penyelar pertandingan mengucapkan terima kasih kepada peserta dan hadirin. Seterusnya, Markah ketiga-tiga hakim akan dikumpul, dikira dan dimasukkan ke dalam **Borang Penghakiman 3** oleh ketua hakim untuk menentukan pemenang pertama, kedua dan ketiga.



9. Majlis penyampaian hadiah boleh dilakukan seurus selepas pemenang ditentukan atau pada tarikh lain mengikut kehendak penganjur.



## PENYEDIAAN LAPORAN

Laporan aktiviti hendaklah disediakan secepat mungkin setelah selesainya program supaya tidak lupa. Format laporan terpujanglah kepada kreativiti masing-masing. Akan tetapi, ia harus meliputi aspek-aspek berikut

- i. Tajuk pertandingan
- ii. Tarikh, masa dan tempat pertandingan diadakan
- iii. Bilangan penyertaan dan jumlah kehadiran
- iv. Komen peserta atau hadirin
- v. Dua keeping gambar

Laporan aktiviti boleh dihantar melalui surat biasa atau e-mel.

---

*LAMPIRAN*

---

PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG SAYA  
JALAN PERPUSTAKAAN  
KUCHING

---

Rujukan: (010) PDKS/AKTIVITI/JIL. 1

Tarikh: 20 Julai 2007

Gurubesar  
Sekolah Kebangsaan Saya  
Kampung Saya  
Kuching

Tuan,

**PERTANDINGAN BERCERITA 2007 KATEGORI SEKOLAH RENDAH**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pertandingan tersebut akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut

Tarikh : 20 Ogos 2007  
Masa : 08:30 pagi - 10:30 pagi  
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Saya

Sehubungan dengan itu, saya ingin menjemput 20 orang pelajar tuan untuk menyertai pertandingan tersebut.

Bersama-sama ini disertakan borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan untuk rujukan serta tindakan tuan selanjutnya.

Untuk maklumat lanjut atau jika ada pertanyaan, tuan boleh berhubung dengan saya di talian telefon 082-123456 atau di alamat di atas.

Kerjasama tuan amat saya harapkan dan hargai.

Sekian, terima kasih.

**MISTER SANUH**  
Atenden Perpustakaan Desa

PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG SAYA  
JALAN PERPUSTAKAAN  
KUCHING

---

Rujukan: (009) PDKS/AKTIVITI/JIL. 1

Tarikh: 01 Julai 2007

Anyap Ganan  
Sekolah Kebangsaan Saya

Melalui:

Gurubesar  
Sekolah Kebangsaan Saya  
Kampung Saya  
Kuching

Tuan,

PERTANDINGAN BERCERITA 2007 KATEGORI SEKOLAH RENDAH

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pertandingan tersebut akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut

Tarikh : 20 Ogos 2007  
Masa : 08:30 pagi - 10:30 pagi  
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Saya

Sehubungan dengan itu, saya ingin menjemput tuan untuk menjadi hakim pertandingan berkenaan.

Untuk maklumat lanjut atau jika ada pertanyaan, tuan boleh berhubung dengan saya di talian telefon 082-123456 atau di alamat di atas.

Kerjasama tuan amat saya harapkan dan hargai.

Sekian, terima kasih.

MISTER SANUH  
Atenden Perpustakaan Desa

## BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN BERCEKITA 2007

---

Nama : \_\_\_\_\_  
Jantina : \_\_\_\_\_  
Umur : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Pekerjaan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### SYARAT-SYARAT UMUM

1. Warga negara Malaysia yang berumur 11 – 12 tahun
2. Pertandingan ini adalah secara individu
3. Cerita rakyat dari mana-mana suku kaum di Sarawak
4. Penyampaian dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja
5. Tempoh masa penyampaian adalah 5 minit bagi setiap peserta
6. Berpakaian kemas dan sesuai dengan jalan cerita
7. Penggunaan prop adalah sangat digalakkan
8. Keputusan hakim adalah muktamad

## BORANG PENGHAKIMAN 1 PERTANDINGAN BER CERITA 2007

NAMA PESERTA: \_\_\_\_\_ NO. GILIRAN: \_\_\_\_\_ TAJUK: \_\_\_\_\_

MARKAH %	KRITERIA	SEDERHANA (1 – 7)	BAIK (8 – 14)	CEMERLANG (15 – 20)	ULASAN
20	TEKNIK PERSEMBAHAN Persembahan yang menarik, tenang, menyakinkan dan gerak-geri yang bersahaja.				
20	PENGHAYATAN CERITA Penceritaan berjalan lancar dari awal hingga akhir.				
20	BAHASA DAN PERTUTURAN Bahasa yang menarik dan menggunakan intonasi serta kurang melakukan kesilapan tatabahasa, sebutan yang betul dan jelas.				
MARKAH %	KRITERIA	SEDERHANA (1 – 4)	BAIK (5 – 7)	CEMERLANG (8 – 10)	ULASAN
10	KONTAK MATA DAN KAWALAN SUARA Kontak mata dan kawalan suara peserta meninggalkan kesan kepada penonton.				
10	KESESUAIAN TEMA CERITA Tema cerita menepati pola cerita-cerita rakyat serta mengandungi unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni.				
10	TEMPO MASA Peserta berjaya menyampaikan isi cerita mengikut tempo dan masa yang sesuai.				
10	KREATIVITI Kesesuaian pakaian berdasarkan cerita dan penggunaan elemen pantun, syair atau lagu rakyat.				

NAMA HAKIM: \_\_\_\_\_

TANDATANGAN: \_\_\_\_\_

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN:

--





# LAPORAN AKTIVITI GALAKAN MEMBACA 2007

---

## Maklumat Perpustakaan

Nama Perpustakaan : \_\_\_\_\_

Nama Pihak Berkuasa  
Tempatan : \_\_\_\_\_

Alamat Perpustakaan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : \_\_\_\_\_

Tarikh Diadakan : \_\_\_\_\_

Masa Diadakan : \_\_\_\_\_

Tempat Diadakan : \_\_\_\_\_

Dengan Usahasama : \_\_\_\_\_  
(Jika berkaitan)

Jumlah Peserta : \_\_\_\_\_

Jumlah Pembentang : \_\_\_\_\_  
(Jika berkaitan)

Ulasan Ringkas : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Gambar Aktiviti



*Gambar Satu*



*Gambar Dua*



Dilaporkan oleh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_